

SKMM, polis kerjasama pantau media sosial

Oleh ZAREEN HUMAIRAH
SEJAHAN
zareen.hs@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Komunikasi dan Multimedia akan bekerjasama dengan polis dalam memantau individu yang menggunakan media sosial bagi menimbulkan kekacauan serta ancaman terhadap keamanan negara.

Menterinya, Tan Sri Annuar Musa berkata, kerajaan tidak berkompromi dan sentiasa komited mengambil tindakan tegas terhadap pihak terbabit termasuk mereka yang menghina agama Islam dan agama-agama lain.

"Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk kedua-dua agensi ini bertekad mengukuhkan jalinan kerjasama bagi membanteras jenayah - dan melindungi pengguna internet + dalam negara termasuk mengenai isu berkaitan ketenteraman awam di media sosial," katanya pada sesi pertanyaan menteri dalam Sidang Dewan Rakyat, semalam.

Melalui pengukuhan kerjasama itu, kata Annuar, proses pemantapan *interoperability*



“
Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk kedua-dua agensi ini bertekad mengukuhkan jalinan kerjasama bagi membanteras jenayah...”

ANNUAR MUSA

bersama polis telah dimulakan, bagi memudahkan koordinasi dan penyelaras dalam mengejarni pasti kandungan yang boleh menggugat ketenteraman awam

Menurut beliau, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) sedang meneliti semula prosedur operasi standard (SOP) untuk tindakan-tindakan lebih proaktif dilakukan.

"Saya difahamkan, SKMM sedang membuat rujukan kepada

pendakwa raya untuk membolehkan pentafsiran yang jelas di bawah undang-undang sedia ada yang mana dirasakan tindakan lebih tegas dan pantas tanpa kompromi dilakukan terhadap penghinaan agama Islam dan juga agama-agama yang lain," katanya.

Sementara itu, Bajet 2022 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz lulus pada

peringkat dasar dalam sidang tersebut.

Penggulungan perbahasan Rang Undang-Undang Perbebasan 2021 itu adalah yang pertama dibentangkan di bawah kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Dalam sesi yang sama, Tengku Zafrul mengumumkan kerajaan akan memberikan peruntukan tambahan RM100 juta bagi usaha-usaha menambah baik tadbir urus, kecekapan dan ketelusan pengurusan kewangan serta bajet membabitkannya.

Katanya, Jabatan Audit Negara juga akan diperuntukan sebanyak RM10 juta bagi memperkuuh keupayaan dan mengoptimuman proses pengaudiatan.

"Perkara ini selari dengan hasrat dan titah Yang di-Pertuan Agong supaya kerajaan mengambil tindakan sewajarnya susulan pembentangan Laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini yang membangkitkan isu pembaziran wang awam.

"Langkah ini turut mengambil kira pandangan ahli-ahli Parlimen supaya peruntukan Jabatan Audit Negara ditambah," katanya.